

Isu negara Islam hangatkan Dewan

UM 22 OKT 2001

KUALA LUMPUR 22 Okt. Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang memilih isu negara Islam sebagai intipati ucapan beliau ketika membahaskan Belanjawan 2002, terpaksa menepis soalan bertubi-tubi daripada para penyokong kerajaan berhubung konsep negara Islam yang hendak dibentuk oleh parti itu.

Berberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) tidak melepaskan peluang menggesa Ketua Pembangunan itu menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya mengumumkan konsep negara Islam versi Pas.

Ahli Parlimen terbabit termasuk **Datuk Mohamad Aziz (Sri Gading), Datuk Noh Omar (Tanjung Karang), Datuk Mahadzir Mohd. Khir (Sungai Petani), Datuk Ah-**



Laporan **JOHARDY IBRAHIM** dan **MARHAINI KAMARUDDIN**

mad Zainuddin Raja Omar (Larut) dan Mastika Junaidah Husin (Arau) mendesak Pas supaya tidak lagi berdolaldalik dalam memperincikan model negara Islam yang dicanangkannya selama ini.

Menjawab cabaran itu, Fadzil yang juga Ahli Parlimen Pendang berkata, pihaknya sedang menyiapkan memorandum mengandungi kerangka konsep negara Islam dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri tidak lama lagi.

Ketika ditanya pemberita di lobi Parlimen bila memorandum itu akan diserahkan, beliau menjawab: "Sebelum akhir tahun ini."

Terdahulu, dalam Dewan, Mahadzir mencabar Fadzil menamakan model negara mana di dunia yang dianggap oleh Pas memenuhi kriteria sebuah negara Islam.

"Tolong sebutkan negara mana. Adakah Bangladesh, Baghdad, Iran, Afghanistan atau Pakistan?" katanya tetapi tidak dijawab oleh Fadzil.

Datuk Mohamad Aziz pula melahirkan rasa hairan

kerana sewaktu negara-negara Islam lain mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Pas pula cuba menyangkal hakikat tersebut.

Menjawab pertanyaan itu, Fadzil mendakwa pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dibuat oleh Perdana Menteri, bertentangan dengan peruntukan dalam Perlembagaan.

Menurutnya, asas pembentukan Malaysia seperti yang disebut dalam laporan Suruhanjaya Reid ialah sebagai sebuah negara sekular.

"Sebab itulah ahli akademik dan perundangan berpendapat pengisytiharan oleh Perdana Menteri tidak mengikut Perlembagaan," dakwanya.

Pada ketika ini, Mastika Junaidah meminta pandangan beliau sama ada dari segi pengisiannya Malaysia telah berjaya menepati syarat sebagai negara Islam.